



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SEJARAH ASAS KEPADA PEMBENTUKAN IDENTITI NASIONAL

ARAU, 12 Mei 2026 – Sejarah bukan sekadar catatan peristiwa masa lalu, tetapi adalah asas kepada pembentukan identiti nasional. Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyampaikan ucapan di **Konvensyen Sejarah Nasional 2026: Bersama Membina Negara Bangsa** di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Kampus Alam, hari ini.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya menegaskan bahawa **tanpa pemahaman sejarah yang kukuh, sukar untuk rakyat membina rasa kebersamaan dan kesetiaan kepada negara.** Justeru, sejarah dan negara bangsa saling berkait rapat kerana sejarah membentuk identiti, manakala identiti memperkukuh perpaduan. Hal ini kerana melalui sejarah, rakyat dapat memahami asal-usul negara, perjuangan tokoh terdahulu serta nilai-nilai yang membentuk jati diri bangsa.

“Kementerian melalui Arkib Negara Malaysia mengambil pendekatan proaktif dengan menganjurkan Konvensyen Sejarah Nasional (KSN) sebagai **platform memperkasa pemahaman sejarah dalam kalangan masyarakat.** Selain itu, Arkib Negara akan terus memperkukuh peranannya sebagai penyimpan khazanah warisan negara melalui usaha memperoleh, menyimpan, memelihara serta menyebarkan maklumat sejarah negara secara lebih sistematik dan berterusan”, tambah beliau.

Pada masa yang sama, Majlis Perasmian Konvensyen Sejarah Nasional 2026: Bersama Membina Negara Bangsa telah disempurnakan oleh DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Konvensyen yang berlangsung selama dua hari ini

UNTUK SIARAN NEGARA

menjadi platform penting yang **menghimpunkan pengkaji dan pengamal sejarah untuk berkongsi penemuan, pandangan serta wacana ilmiah yang dapat memperkayakan naratif sejarah negara**. Sebanyak empat sesi pembentangan akan berlangsung dengan melibatkan 14 pembentang dengan memberikan fokus kepada sejarah institusi beraja, kesinambungan dan perubahan, gerakan nasionalisme, pentadbiran dan perundangan, dan pembangunan dan kesejahteraan masyarakat MADANI.

Konvensyen Sejarah Nasional sebelum ini telah membuktikan impak besar apabila **resolusinya membawa kepada penubuhan Majlis Sejarawan Negara yang berperanan menasihati kerajaan dalam hal berkaitan pembangunan sejarah negara**. Selain itu, resolusi penting lain seperti usaha membawa pulang bahan bersejarah dari luar negara, mempergiat penghayatan Rukun Negara, serta memperkukuh kedudukan sejarah dalam sistem pendidikan negara juga telah berjaya direalisasikan.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

12 Mei 2026

KPN.100-9/1/16 (45)

